

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.33 (24)
Tarikh : 6 Mac 2015

**Ketua Pengarang
Sinar Harian**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK “TIGA ANAK TIDAK MEMILIKI MYKAD” BERTARIKH 4 MAC 2015, RABU – M.S: 36

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Encik Ek Diew Ging berkenaan anak - anak beliau iaitu Ek Yu Wen, Ek Zong Wei dan Ek Zong Sheng yang berstatus bukan warganegara Malaysia.

3. JPN ingin menjelaskan bahawa kegagalan mendaftarkan perkahwinan beliau menjadikan status kewarganegaraan anak-anak beliau adalah bukan warganegara. Ini adalah berdasarkan status kewarganegaraan ibu kanak-kanak tersebut yang berstatus bukan warganegara. Penentuan status kewarganegaraan adalah berdasarkan taraf kewarganegaraan ibu bapa kanak-kanak semasa kelahiran dan juga status perkahwinan ibu bapa.

4. Ingin dimaklumkan juga, Encik Ek Diew Ging telah mengemukakan permohonan kewarganegaraan dibawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan bagi 2 orang anak beliau yang masih dalam proses pertimbangan Kementerian Dalam Negeri. JPN juga mengesyorkan beliau mengemukakan semula permohonan kewarganegaraan anak bongsu beliau memandangkan keputusan terdahulu adalah tidak berjaya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)